



## "BERMESRA DENGAN AL-QURAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ  
هُدًىٰ لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ.  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَّا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bersempena dengan bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini, marilah kita sama-sama mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan sedaya upaya mengerjakan segala perintah-Nya dan meninggalkan



segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita tergolong dalam golongan orang-orang yang muttaqin.

Pada hari yang mulia ini marilah kita mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk "**BERMESRA DENGAN AL-QURAN**".

### Sidang Jumaat sekalian,

Al-Quran merupakan kitab agung umat Islam yang diturunkan pada malam Lailatul Qadr di bulan Ramadhan yang merupakan mukjizat terbesar kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Membacanya dikira ibadah dan beramal serta melaksanakan segala hukum di dalamnya adalah satu kefardhuan.

Firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 57:

يَأَيُّهَا أَلْنَاسُ قَدْ جَاءَتُكُم مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ  
وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الْأَرْضِ وَهُدًىٰ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Antara fadhilat yang sangat penting apabila seseorang itu membaca al-Quran ia akan diberikan pahala yang berganda. Sebagaimana sebuah hadis daripada Ibnu Mas'ud RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda :



مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ.  
وَالْحَسَنَةُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا. لَا أَقُولُ الـ  
حَرْفٌ. وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَامٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ  
حَرْفٌ.

"Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah, maka baginya satu hasanah (kebaikan). Dan satu hasanah itu sama dengan sepuluh kali ganda. Aku tidak mengatakan alif lam mim itu satu huruf. Tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf".

(Hadis Riwayat At-Tirmidzi).

Begitulah besarnya pahala yang dijanjikan kepada orang yang membaca al-Quran. Apatah lagi kepada orang yang menghafaz al-Quran. Namun mimbar pada hari ini ingin melontarkan persoalan. Mesrakah kita dengan al-Quran dirumah kita? Berapakah bilangan ayat al-Quran yang kita baca dalam sehari semalam? Dan bilakah kali terakhir kita mengkhatamkan bacaan al-Quran? Padahal dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran itu dapat menerangi kegelapan dalam kubur nanti?

**Sidang Jumaat yang dihormati,**

Beruntunglah orang-orang yang membaca al-Quran pada setiap hari. Tidak kira sama ada di bulan Ramadhan atau pun di bulan-bulan selepasnya. Tidak kira apa jawatan atau pun pangkatnya. Dan tidak kira muda atau pun tua usianya. Al-Quran seharusnya dijadikan bacaan wajib harian dan



seterusnya difahami serta dihayati segala isi kandungannya serta mengamalkan ajarannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Fatir, ayat 29 :

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُوُنَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ  
وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرَّاً وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجْرِيَةً لَنَ



*"Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian daripada rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka dalam keadaan sembunyi dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan rugi".*

Sangat mendukacitakan, kita sering memberikan alasan sibuk dan tiada masa untuk membaca al-Quran, namun realitinya generasi hari ini sanggup menghabiskan masa berjam-jam lamanya membaca dan bersempang di media-media sosial seperti *facebook*, *whatsapp*, *twitter* dan lain-lain. Tetapi memberikan seribu satu alasan untuk duduk membaca al-Quran walaupun sekadar beberapa ayat dalam sehari.

### **Muslimin yang berbahagia,**

Al-marhum Syeikh Muhammad al-Ghazali seorang ulama yang tersohor dalam bukunya “Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Quran” menjelaskan bahaw umat Islam perlu memersrakan diri dengan al-Quran dalam kehidupan seharian. Membudayakan al-Quran dari sudut membacanya, memahami maknanya dan beramal dengan segala isi kandungannya. Hal ini perlu dimulakan dari rumah, sekolah dan berterusan ke pejabat dan tempat-tempat



kerja. Begitu juga dalam organisasi-organisasi dan pertubuhan-pertubuhan belia, kerajaan maupun swasta.

Program tadarus al-Quran yang semakin berkembang dalam kalangan masyarakat perlu diteruskan. Ibu bapa perlu mencari waktu yang sesuai membimbing anak-anak dan keluarga untuk membaca dan bertadarus al-Quran di rumah secara berjemaah bersama dengan anak-anak. Di pejabat mahu pun di tempat kerja, waktu rehat boleh digunakan untuk bertasbih atau pun bertadarrus al-Quran dalam kumpulan-kumpulan kecil.

Imam Ahmad meriwayatkan bahawa; Ibnu Abbas RA pernah menjelaskan bahawa setiap tahun pada bulan Ramadhan, Nabi Muhammad SAW akan bertadarus al-Quran dengan malaikat Jibril sehingga khatam. Manakala pada tahun yang terakhir sebelum baginda wafat, baginda bertadarus al-Quran dengan malaikat Jibril sehingga khatam sebanyak dua kali.

Namun mimbar mengingatkan agar amalan membaca dan bertadarus al-Quran ini tidak dilakukan secara terburu-buru dan terlalu laju sehingga menjelaskan hukum-hukum tajwidnya. Sebaliknya membaca al-Quran mengikut erti kata yang sebenarnya iaitu secara :

## 1. *Tartil* (تَرْتِيلٌ),

Iaitu membaca al-Quran dengan baik dan kelajuan yang sederhana dengan mengikut kaedah ilmu tajwid.

Firman Allah SWT dalam surah al-Muzammil ayat 4:



## وَرَتِلْ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا ...

"Dan bacalah Al-Quran Dengan "Tartil".

### 2. *Tadabbur* (تَدَبُّر),

Iaitu membaca al-Quran dengan mengambil perhatian kepada maksud dan kehendak ayat yang dibaca.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 82:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْءَانَ ...

"Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran?"...

### 3. *Tafakkur* (تَفَكُّر),

Iaitu membaca al-Quran dengan fikiran yang tenang dan memikirkan tentang keagungan Allah serta berfikir untuk merealisasikan kehendak ayat tersebut.

Firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 24:

كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ...



*“Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum Yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya)”.*

#### 4. *Ta'amul* (تَعَامُل),

Iaitu membaca dengan mengamalkan hukum-hukum tajwid dalam tilawah dan ajaran al-Quran serta menghayatinya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Insan ayat 29:

إِنَّ هَذِهِ تَذْكِرَةٌ فَمَن شَاءَ أَخْنَذَ إِلَى رَبِّهِ سَبِيلًا



*“Sesungguhnya (segala keterangan yang disebutkan) ini, menjadi peringatan; maka sesiapa yang mahukan (kebaikan dirinya) bolehlah ia mengambil jalan yang menyampaikan kepada keredaan Allah (dengan iman dan taat)”.*

#### **Sidang Jumaat sekalian,**

Dalam usaha untuk membudayakan al-Quran dalam kehidupan ini, janganlah kita berasa rendah diri sekiranya tidak mahir membaca al-Quran. Sebaliknya kita mestilah sentiasa mencari ruang untuk mempelajari al-Quran dan ilmu-ilmu yang terkandung di dalamnya. Bahkan amalan bertadarus al-Quran adalah antara salah satu ruang yang terbaik untuk kita memperbaiki kesalahan dan meningkatkan kualiti bacaan al-Quran kita.



Hadis daripada Saidatina Aisyah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْءَانَ وَهُوَ مَاهِرٌ بِهِ مَعَ السَّفَرَةِ  
الْكِرَامِ الْبَرَّةِ. وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْءَانَ وَهُوَ يَتَعَطَّعُ  
فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌ لَهُ أَجْرٌ.

“Orang yang membaca al-Quran dan dia mahir membacanya, dia bersama dengan para malaikat yang mulia. Dan orang yang membaca al-Quran dengan tergagap-gagap (tidak mahir) serta sukar membacanya, baginya dua pahala”.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Oleh itu kita hendaklah sentiasa berusaha untuk berdamping dengan al-Quran, mempelajari dan mendalami ilmu-ilmunya tanpa mengira latar belakang usia, pendidikan, pangkat dan jawatan. Kerana menghadiri majlis-majlis ilmu dan tazkirah juga adalah sebahagian daripada usaha membudayakan al-Quran dalam kehidupan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Ayuh kita jadikan bulan penurunan al-Quran ini sebagai titik tolak untuk kita memesrakan diri kita dengan al-Quran dalam diri, keluarga dan masyarakat. Jadikan al-Quran sebagai bacaan wajib pada setiap hari sama ada selepas solat fardhu atau pun pada masa-masa senggang tertentu. Janganlah kita sering memberikan alasan sibuk dan tidak cukup masa untuk



membaca al-Quran kerana sesungguhnya masa itu sememangnya ada. Terpulang kepada kebijaksanaan kita menguruskannya.

Usah kita menjadi hamba dan leka dengan telefon pintar dan media sosial semata-mata sehingga mencuri masa kita untuk bersama dengan al-Quran dan segala isi kandungannya. Manfaatkan waktu Ramadhan yang berbaki ini agar ia tidak berlalu dengan sia-sia sahaja.

Justeru, marilah kita bersama-sama bermesra dengan al-Quran dalam kehidupan seharian, oleh itu, kita :

1. Hendaklah membaca, memahami dan menghayati al-Quran dalam erti kata yang sebenarnya iaitu secara *tartil*, *tadabbur*, *tafakkur* dan *ta'amul*.
2. Memesrakan al-Quran dalam diri, keluarga dan masyarakat, bermula dari rumah, sekolah dan seterusnya di pejabat mahupun di tempat-tempat kerja.
3. Hendaklah sentiasa berusaha untuk mempelajari al-Quran, meningkatkan kualiti bacaan dan mendalami isi kandungannya dalam majlis-majlis ilmu, kuliah dan tazkirah.

Hadis daripada Abi Umamah al-Bahiliyy bahawa Rasulullah SAW bersabda :

اقرُّوا الْقُرْءَانَ.. فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ



"Bacalah al-Quran... Sesungguhnya ia akan datang pada hari Qiamat sebagai syafaat kepada orang yang membacanya".

(Riwayat Muslim).

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
الَّذِينَ إِاتَّيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقًّا تِلَاوَتٍ هُوَ أَوْلَئِكَ  
يُؤْمِنُونَ بِهِ وَمَنْ يَكْفُرْ بِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَسِرُونَ

"Orang-orang yang Kami berikan Kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarkan maksudnya), mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya; dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang-orang yang rugi".

(Surah al-Baqarah : 121).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُوَ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjasaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

Akhir-akhir ini berita mengenai kemalangan jalan raya sering menghiasi dada-dada akhbar. Seharusnya Syawal menjadi bulan kemerahan dan kesyukuran setelah sebulan kita menunaikan ibadah puasa. Maka, umat Islam sebagai pengguna jalan raya adalah diingatkan supaya mematuhi peraturan keselamatan jalan raya. Dalam masa yang sama, kita seharusnya menghiasi diri dengan sifat sopan, sabar, hormat menghormati serta bertimbang rasa antara satu sama lain ketika berada di jalan raya. Sikap murni ini pastinya mampu menjauhi kita daripada segala kecelakaan yang tidak diundang di samping berikhtiar menjauhi diri dari segala perkara yang boleh merosakkan dan membawa kebinasaan diri, keluarga dan masyarakat. Hal ini dijelaskan oleh al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتَّحْكِمَةِ  
وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ



*“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baiklah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.*



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعَظِيمَى آنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ  
وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ لَهُ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ  
سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَالَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدْمِ اَلْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عَمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ  
ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.